

## KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera  
8 Oktober 2023

### **MSAM 2023 ANJURAN PNB MENERUSKAN PERANANNYA MEMPERKUKUH KESEDARAN LITERASI KEWANGAN DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA**

*Karnival celik kewangan terbesar Malaysia menyaksikan peningkatan inovatif yang diperbaharui dalam aktiviti*

**BERTAM, 8 Oktober 2023** – Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengakhiri karnival celik kewangan tahunan terbesarnya, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2023, dengan kejayaan yang memberangsangkan, mencatatkan lebih daripada 200,000 pengunjung serta penglibatan yang menggalakkan di semua platform digital sepanjang acara sembilan hari itu, yang diadakan dalam bentuk hibrid, secara fizikal dan maya.

Bertemakan “***Bijak Melabur, Santai Berhibur***”, acara edutainment tersebut bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia dari semua peringkat umur melalui pelbagai aktiviti.

Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, YB Dato’ Dr. Mohamad Abdul Hamid, hari ini merasmikan majlis penutup MSAM 2023, diiringi Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato’ Seri Arshad Raja Tun Uda, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, serta kepimpinan kanan rakan korporat MSAM 2023.

MSAM 2023 menerima pengunjung bukan sahaja dari Bertam dan kawasan sekitarnya malah dari seluruh negara, termasuk Selangor.

YM Raja Tan Sri Dato’ Seri Arshad berkata, “Kami di PNB bersyukur kerana MSAM kali ini telah menarik minat pengunjung pelbagai lapisan masyarakat dan umur. Ini merupakan suatu perkembangan positif, dan membantu usaha PNB untuk melahirkan lebih ramai generasi muda yang celik pelaburan.”

“Selain itu, PNB juga amat menghargai sokongan para pelabur terhadap unit-unit amanah yang diuruskan oleh PNB. Kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap PNB yang mengurus dana-dana unit amanah ini amat kami hargai,” tambah beliau.

Karnival itu turut menerapkan elemen STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) ke dalam gerai pameran, aktiviti dan kandungan, sebagai sebahagian daripada misi PNB untuk memberi inspirasi kepada golongan muda untuk menuntut ilmu dan pendidikan tinggi.

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad turut merakamkan penghargaan kepada Rakan Korporat MSAM 2023, yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan MSAM terus menjadi antara karnival yang dinanti-nantikan di negara ini.

*-Tamat-*

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

## LAMPIRAN

### **RAKAN KORPORAT MSAM 2023: -**

#### Kategori Rakan Premier

- S P Setia Berhad
- Malayan Banking Berhad (Maybank)
- Sime Darby Plantation Berhad
- UMW Holdings Berhad

#### Kategori Rakan Utama

- Sime Darby Berhad
- Sime Darby Property Berhad
- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (Perodua)
- MNRB Holdings Berhad
- Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

#### Kategori Rakan

- Duopharma Biotech Berhad
- Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas)

### **PERTANDINGAN & HADIAH: -**

<b>ePeraduan Utama</b>		
<b>No.</b>	<b>Hadiah</b>	<b>Kuantiti</b>
1.	Rumah Teres Setingkat di Setia Fontaines, Pulau Pinang	1
2.	Kereta Perodua Axia 1.0L AV (Granite Grey)	1
3.	Motosikal Yamaha MT25	1

**PERTANDINGAN & HADIAH: -**

<b>Pengunjung bertuah</b>		
<b>No.</b>	<b>Hadiah</b>	<b>Kuantiti</b>
1.	Kereta BYD Atto 3 SR (Surf Blue)	1
2.	Kereta Toyota Vios 1.5G AT (Spicy Scarlet)	1
3.	Motosikal Yamaha 135LC Fi	1
4.	Apple iPhone 14/15 Pro Max (128GB)	1
5.	TV Samsung 65" UHD 4K (AU7002)	1
6.	11" iPad Pro	1

<b>ePeraduan Harian</b>		
<b>No.</b>	<b>Hadiah</b>	<b>Kuantiti</b>
1.	Motosikal Yamaha 135LC Fi	6
2.	Samsung Galaxy S23 Ultra 5G	7
3.	Apple iPhone 14/15 Pro (128GB)	7
4.	Apple iPhone 14/15 (128GB)	7
5.	TV Samsung 65" UHD 4K (AU7002)	6
6.	Samsung Galaxy S23	7
7.	11" iPad Pro	6
8.	Samsung Galaxy Tab S8 (128GB)	7
9.	iPad Air Wifi	15
10.	Samsung 43" 4K UHD TV (AU7700)	14
11.	Huawei Nova 10	14
12.	Samsung A54 5G	14
13.	Samsung A34 5G	14
14.	Huawei Nova 10SE	28
15.	Samsung Galaxy Tab A7 Lite LTE	35
16.	Pembersih Vakum Tanpa Kord Panasonic	14
17.	Periuk Nasi Balang Mikrokomputer Panasonic 1.8L	21

ePeraduan Harian		
18.	Ketuhar Gelombang Mikro Panasonic 20L	21
19.	Panasonic 5.0L <i>Slow Cooker</i>	70
20.	Kipas Meja Panasonic	70
21.	Pengisar Panasonic 1.0L	70
22.	Cerek Elektrik Panasonic 1.7L	70
23.	Seterika Stim Panasonic M-Series	70
24.	Pek Hadiah Vitamin	500
25.	Minyak Masak Alif (500ml)	600